

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Oktober
2020



UNIT PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
SMK SUNGAI KARANGAN

2 ½ Jam

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020
(PEPERIKSAAN PERCUBAAN)**

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

(1103/2)

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Disediakan oleh ;

(MEGANATHAN A/L LACHIMANAN)
Ketua Panitia Bahasa Melayu

Disemak oleh ;

(LADDA JULAPHONG A/P EDENG)
Guru Kanan Bahasa
SMK Sungai Karang

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kepentingan-kepentingan mempelajari kedua-dua subjek tersebut**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Malaysia sering berada di tangga tercorot dalam bidang pendidikan khususnya dalam pencapaian subjek teras iaitu Sains dan Matematik yang didakwa mengalami penurunan minat yang ketara sebanyak 28 peratus. Pernyataan ini dibuktikan melalui Indeks Pendidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-98 daripada 181 buah negara. Senario tersebut menjadi petunjuk bahawa perlunya usaha untuk meninjau sistem pendidikan negara pada semua peringkat. Beberapa faktor dikenal pasti menjadi penyumbang terhadap tahap keyakinan pelajar tidak konsisten. Faktor-faktor tersebut termasuklah kerisauan pelajar terhadap pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kurangnya pendedahan dari aspek kerjaya dalam bidang berkenaan. Justeru, pengaruh rakan sebaya dan sikap ibu bapa yang tidak menyokong pembelajaran subjek Sains dan Matematik dilihat juga sebagai punca keadaan ini berlaku.

Bagi meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik agar setanding dengan negara lain, setiap pelaksanaan program pendidikan negara perlu diperhalus. Selain itu, pembudayaan sains dan matematik hendaklah diterapkan dalam diri pelajar seawal usia kanak-kanak. Tanggungjawab menyemai minat dalam kedua-dua subjek ini bukan terletak di bahu pendidik semata-mata. Sekolah sewajarnya bekerjasama dengan masyarakat dalam meningkatkan kecemerlangan subjek ini supaya tidak melihat kecemerlangan dari sudut bilangan gred sahaja. Tanggapan negatif masyarakat tentang kesukaran mempelajari kedua-dua subjek ini perlu diubah kepada pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Secara tidak langsung, tanggapan ini sebenarnya mampu *mematikan minat* dan keinginan pelajar untuk menguasai kedua-dua subjek ini dengan lebih baik.

Di samping itu, kempen kesedaran tentang subjek Sains dan Matematik dalam kalangan masyarakat mestilah diperhebat. Kempen ini dilihat sebagai langkah proaktif untuk menyedarkan lebih banyak pihak agar memahami kepentingan isu ini kepada negara. Dalam bidang kerjaya pula, pihak industri disarankan menjadi rakan kongsi ilmu ini dengan institusi pendidikan. Percambahan idea pengintegrasian kepentingan subjek Sains dan Matematik melalui penganjuran pelbagai pertandingan merupakan antara usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasakan kedua-dua subjek ini.

Bagi melonjakkan kecemerlangan dalam subjek tersebut, pelajar seharusnya menerima gaya pengajaran berasaskan KBAT. Mereka harus dibimbing supaya dapat berfikir secara kreatif dan kritis bagi menyelesaikan masalah. Guru dan pelajar sepatutnya berganding bahu untuk mencapai objektif pembelajaran lebih bermakna dalam kedua-dua subjek ini. Guru juga perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan semasa dalam pengajaran supaya dapat menarik minat pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian subjek tersebut. Oleh itu, usaha membudayakan sains dan matematik perlu digerakkan oleh semua pihak bagi mencapai sasaran pelan hala tuju modan insan dalam bidang sains dan teknologi menjelang tahun 2020.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Penguasaan Sains dan Matematik untuk Elak Ketinggalan'
oleh Siti Mistima Maat,
Dewan Masyarakat, Oktober 2015)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mematikan minat*. [2 markah]
- (ii) Pengarang ada menyatakan beberapa sebab keyakinan pelajar tidak menentu terhadap subjek Sains dan Matematik.
Nyatakan **sebab-sebab** tersebut. [3 markah]
- (iii) Pencapaian anda dalam subjek Sains dan Matematik kurang memberangsangkan.
Jelaskan tindakan yang akan anda lakukan untuk meningkatkan prestasi dalam kedua-dua subjek tersebut. [4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia itu, tidak pernah adil, Solehah.” Titis air mataku gugur di hujung jari Solehah. “Engkau hanya memerlukan tiga pek darah sahaja, tetapi tidak diberikan. Tuan Besar Musa itu, tubuhnya tidak mahu menerima darah tetapi pakar-pakar itu...,” sebak menyendat di dadanya.

“Dapatkan 10 pek darah sekarang!” Arah Profesor Doktor Juaidi apabila cupingnya diusapi suara lembut Doktor Murni, yang menyampaikan berita tentang bank darah yang kontang. “Dapatkan di hospital lain; segera.”

Untuk siapa? Hatinya musykil sendiri.

“Awak tahu siapa Tuan Besar Musa itu? Korporat, teknokrat yang banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit kita. Kita tak mahu dia mati. Dia dermawan yang prihatin. Kita begitu terhutang budi kepadanya. Makan malam tahunan kita yang beratus-ratus ribu ditaja olehnya.”

Tekanan darah Solehah semakin rendah. Jeritku menyapa kuping Profesor Doktor Juaidi. Dia menoleh.

Dipetik daripada ‘**Gerhana Manusia**’
oleh Aminah Mokhtar
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Mengapakah Profesor Doktor Juaidi tidak mahu Tuan Besar Musa mati? [2 markah]
- (ii) Tabung darah di sesebuah hospital sering mengalami masalah kekurangan darah. Pada pendapat anda, apakah **usaha-usaha** untuk memastikan bank darah negara sentiasa mempunyai darah yang mencukupi? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan cerpen tersebut. [4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?”

Maka sembahnya, “Daulat, tuanku.”

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantar ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”

Dah telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatliah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara.”

Dipetik daripada ‘*Burung Terbang Dipipiskan Lada*’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Nyatakan **tindakan** Sultan setelah Seri Nara Diraja bersetuju memperisteri Tun Kudu. [2 markah]
- (ii) Apakah terjadi antara Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja setelah Seri Nara Diraja bernikah dengan Tun Kudu? [3 markah]
- (iii) Pertelingkahan antara pembesar membawa kerugian kepada negara.
Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang boleh diambil untuk menyatukan kedua-dua pembesar tersebut selain perkahwinan? [3 markah]

Soalan 2 (d) - Puisi Tradisional

Baca gurindam di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

GURINDAM DUA BELAS

(Fasal yang Ketiga)

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluarlah fiil yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh (*Penyelenggara*)

Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul

Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan gurindam tersebut, mengapakah kita mesti memelihara telinga dan kaki?
[2 markah]
- (ii) *Pilihlah rakan yang betul. Sekiranya kamu bersahabat dengan seorang penjual minyak wangi nescaya bauan kesturinya akan terkena kepada kamu tetapi apabila kamu bersahabat dengan seorang tukang besi nescaya bau tengik akan terpalit kepada dirimu.*
Pada pendapat anda, mengapakah kita disarankan supaya memilih kawan yang baik?
Berikan **tiga** sebab. [4 markah]
- (iii) Nyatakan **satu** pengajaran yang terdapat dalam **rangkap 3** dan **satu** pengajaran dalam **rangkap 5** berdasarkan gurindam di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) bercampur
- (ii) campuran
- (iii) berhias
- (iv) hiasan
- (v) bertempat
- (vi) tempatan

[6 markah]

(b) *Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN).*

- (i) Rakyat Malaysia perlu bekerjasama untuk memperkukuh keamanan negara.
- (ii) Baju kebaya bercorak songket itu sungguh cantik.
- (iii) Kumpulan pelajar kolej itu ke hutan simpanan untuk menjalankan penyelidikan.
- (iv) Cikgu Tan CL guru mata pelajaran Bahasa Melayu di Kolej Vokasional Kulim.
- (v) Hadiah itu untuk murid-murid yang mendapat tahap penguasaan cemerlang dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah
- (vi) Sejak lima tahun yang lalu, Amira bertugas sebagai wartawan sambilan di Syarikat Percetakan Gemilang.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Buku teks yang berkualiti mestilah dianggap sebagai pra syarat bagi peningkatan mutu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.
- (ii) Hobi mengumpul wang siling lama dianggap sebagai pembuangan masa oleh sesetengah orang yang tidak memahaminya.
- (iii) Bagi mengatasi masalah golongan berpendapatan rendah, kerajaan mencadangkan supaya pembeli rumah diberi perlepasan cukai atas faedah pinjaman.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Amalan pemakanan sihat dan aktiviti rekreasi amat diutamakan oleh saya demi memudahkan saya mengikuti kehidupan seharian.
- (ii) Sikap semua pengguna-pengguna jalan raya yang memandang enteng terhadap peraturan-peraturan yang ditetapkan menyebabkan isu kemalangan jalan raya kian meningkat.
- (iii) Pak Abu menerima angkatan peminangan dari Kuala Selangor kepada anak gadisnya yang baru menamatkan pengajian di universiti luar negara.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Filem-filem Seniman Agung P. Ramlee kerap ditayangkan di kaca televisyen kerana masih ditonton dan diminati oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini.
- (ii) Anak-anak perlulah dididik dan diasuh sejak kecil lagi supaya mereka sentiasa berakhlak mulia dan cemerlang dalam kehidupan.
- (iii) Walaupun Ahmad baru menceburkan diri dalam bidang penulisan, namun beliau telah menghasilkan beberapa buah novel yang setanding dengan novel penulis-penulis terkenal tanah air.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
 - (ii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
 - (iii) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
 - (iv) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
 - (v) *Tirani* karya Beb Sabariah
 - (vi) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
 - (vii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman
- (a) Bahagian permulaan sesebuah novel amat penting kepada pembaca untuk meneruskan pembacaan.
Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** sebab bahagian permulaan novel itu menarik minat anda. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** nilai kegigihan yang terdapat dalam **setiap** novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT